

Jadual Spesifikasi Ujian


Ia menghuraikan aspek-aspek pencapaian yang hendak diukur serta memberikan panduan untuk mendapatkan satu sampel item-item soalan

Keuntungan JSU

- ✓ Dapat mengelakkan ujian yang dibina secara sembarangan dan dapat dilakukan secara terancang dan rapi.
- ✓ Dalam JSU, bilangan soalan bagi sesuatu tajuk diberi berdasarkan pentingnya tajuk atau objektif pelajaran
- ✓ Akan menjamin kesahan dan kebolehpercayaan ujian.
- ✓ Membolehkan ujian yang sama dibina oleh orang lain.
- ✓ Dapat menstabilkan taraf dan aras kesukaran ujian dari setahun ke setahun.
- ✓ Perbandingan dapat dibuat di antara satu ujian dengan ujian yang lain

Penyediaan JSU

JSU mengandungi maklumat tentang:

- ✓ Bentuk dan panjangnya ujian
 - ✓ Aras kesukaran dan juga aras kemahiran yang diuji
 - ✓ JSU yang dirancang dengan baik akan menolong dalam penentuan kesahan dan kebolehpercayaan ujian itu.
 - ✓ Pembahagian soalan untuk tiap-tiap unit kandungan mesti sama dengan penegasan yang diberi dalam pengajaran.
 - ✓ Kepentingan aras mesti bersesuaian dengan kebolehan murid-murid yang akan diuji.
 - ✓ Terdapat dua jenis soalan yang boleh digunakan iaitu soalan objektif dan soalan subjektif.
 - ✓ Penggubal soalan mesti menentukan jumlah soalan untuk ujian itu.
 - ✓ Masa mestilah cukup supaya 80% daripada murid-murid dapat menjawab soalan.
- 

Penentuan Aras

Pengetahuan

Kefahaman

Aplikasi

Analisis

Sintesis

Penilaian

ARAS PENGETAHUAN

Ciri soalan

Memerlukan calon mengingat semula. Jawapan calon menggunakan bahasa asal

Contoh Kata Kerja

- ✓ Labelkan
- ✓ Senaraikan
- ✓ Manakah
- ✓ Apakah

ARAS KEFAHAMAN

Ciri Soalan

Memerlukan calon memahami fakta dan menghuraikannya, memberi contoh atau illutراسi dalam bahasanya sendiri

Contoh Kata Kerja

- ✓Terangkan
- ✓Jelaskan
- ✓Huraikan
- ✓Tukarkan

ARAS APLIKASI

Ciri Soalan

Memerlukan calon menyelesaikan masalah. Masalah diselesaikan dengan cara tersendiri menggunakan gabungan teori, pengalaman dan pelbagai kaedah penyelesaian masalah yang mempunyai unsur persamaan.

Contoh Kata Kerja

- ✓ Selesaikan
- ✓ Binakan
- ✓ Carikan
- ✓ Tunjukkan
- ✓ Kirakan
- ✓ Demonstrasikan

SKEMA SOALAN/PEPERIKSAAN PENDIDIKAN ISLAM

BAHAGIAN	BIDANG	JUMLAH SOALAN	ARAS PENGETAHUAN	ARAS SEDERHANA	ARAS APLIKASI	JUMLAH MARKAH
OBJEKTIF	Tilawah Al Quran	10	5	3	2	30
	Aqidah	5	3	1	1	
	Ibadah	5	3	1	1	
	Sirah	5	2	2	1	
	Akhlak	5	2	2	1	
	JUMLAH	30				
SUBJEKTIF	Al Quran	2	0	1	1	20
	Aqidah	2	0	1	1	
	Ibadah	2	1	1	0	
	Sirah	2	1	1	0	
	Akhlak	2	0	1	1	
	Jawi	10	8	1	1	
	JUMLAH	20				
AMALI						30
LISAN	Surah Bacaan					5
	Surah Hafazan					5
	Membaca Teks Jawi					5
	Menjawab Teks					5
JUMLAH						20

CONTOH SOALAN AMALI (MENYEBUT DAN MELAKUKAN)

TAHUN	TAJUK
Tahun 1	1. Istinjak
	2. Wuduk
	3. Doa Selepas Wuduk
Tahun 2	1. Takbiratul Ihram, Doa Iftitah, Rukuk, Iktidal, Sujud dan Duduk Antara Dua Sujud
	2. Tahyat Awal dan Akhir
Tahun 3	1. Rukun Mandi
	2. Doa Qunut
	3. Solat Subuh
Tahun 4	1. Cara Menyucikan Najis Mukhaffafah, Mutawassitah dan Mugahllazah
	2. Solat Zohor
Tahun 5	1. Tayammum
	2. Azan dan Iqomah
	3. Lafaz dan Niat Solat Berjemaah
	4. Lafaz dan Niat Solat Jumaat
Tahun 6	1. Niat Puasa Ramadhan
	2. Solat Hari Raya Aidiladha dan Aidilfitri
	3. Solat Jenazah